



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

JAWATAN	:	PENGAWAL KESELAMATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN	:	KP11
GRED GAJI	:	GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM1,205.00 RM2,939.00 RM80.00
SYARAT LANTIKAN	:	<p>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>a. warganegara Malaysia; dan</p> <p>b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</p> <p>c. i. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan pada Gred KP11: RM1,205.00) atau</p> <p>ii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.</p> <p>(Gaji permulaan pada Gred KP11: RM1,205.00)</p> <p>d. dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:</p> <p>i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;</p> <p>ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;</p> <p>iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;</p> <p>iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);</p> <p>v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;</p> <p>vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan</p> <p>vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.</p>
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara 2(c)(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS	: Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisyiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).
-----------------	--